

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR  
SEMPENA SIRI KEFAHAMAN ISLAM KONTEMPORARI SEMASA  
PENCERAHAN TENTANG BITCOIN DARIPADA ASPEK MUAMALAH  
BERTEMPAT DI DEWAN KECEMERLANGAN UniMAP  
PADA 5 APRIL 2018, 9.30 PAGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Negaraku Malaysia  
Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Timbalan - timbalan Naib Canselor  
Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Yang Berbahagia, Prof. Madya Dr. Haji Muhammad Nasri Md Hussain,  
dari Universiti Utara Malaysia.

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Shuhairimi Abdullah, Pengarah Pusat  
Islam UniMAP.

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,  
Seterusnya warga Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

**ALUAN KATA**

1. Alhamdulillah, Syukur kehadiran Allah Azzawajalla kerana dengan limpah izinNya, dapat kita bersama-sama di pagi yang berbahagia ini bagi menjayakan Program Siri Kefahaman Islam

Kontemporari Semasa Pencerahan Tentang Bitcoin Daripada Aspek Muamalah.

2. Terlebih dahulu di kesempatan ini ingin saya merakamkan ucapan tahniah dan jutaan penghargaan kepada semua jawatankuasa yang terlibat yang diketuai Pusat Islam UniMAP yang telah bertungkus lumus dalam memastikan program pada hari ini berjalan lancar.
3. Tidak dilupakan juga terima kasih saya ucapkan kepada tetamu-tetamu jemputan atas kesudian dan melapangkan masa untuk bersama kami dalam majlis ilmu ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **BITCOIN (CRYPTOCURRENCY)**

4. Saya pasti kita semua telah sedia maklum mengenai mata wang digital atau lebih dikenali cryptocurrency. Pada masa kini pelbagai jenis matawang digital telah wujud dan salah satu daripadanya Bitcoin.
5. Bitcoin diilhamkan oleh seorang pakar komputer daripada Japan iaitu Satoshi Nakamoto yang telah berjaya menjadikan Bitcoin ini sebagai mata wang digital pertama di dunia.
6. Ia bebas daripada pengawasan mana-mana Bank Negara di dunia dan boleh dipindahkan dengan kaedah elektronik tanpa orang tengah secara percuma.
7. Secara tidak langsung penggunaan mata wang ini menjadi tarikan pengguna kerana Bank Negara sesebuah negara tidak boleh

mengawal urusan kewangan seseorang dan ia semakin menjadi pilihan peniaga kecil bagi urusan niaga harian.

8. Biarpun pelbagai isu timbul mengenai mata wang ini namun ia tetap digunakan secara meluas dan semakin popular.
9. Malah ada yang menjadikan Bitcoin ini sebagai salah satu sumber pendapatan dan mereka menjalankan urusan pemantauan Bitcoin pada waktu bekerja dan ia adalah pasti merupakan salah satu kesalahan bagi penjawat awam.
10. Oleh yang demikian marilah kita bersama-sama mendengar kupasan lengkap daripada penceramah kita mengenai hukum terlibat dengan matawang digital ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **PENUTUP**

11. Saya secara peribadi amat berterima kasih kepada inisiatif Pusat Islam UniMAP atas usaha menganjurkan Siri Kefahaman Islam yang berasaskan muamalah semasa kepada warga UniMAP.
12. Ia merupakan satu langkah terbaik. Secara tidak langsung, ia dapat memberikan satu tasawwur kepada warga UniMAP berkaitan beberapa idea asas berkaitan pelaburan dalam Bitcoin dari sudut pandangan Islam.
13. Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua. Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.